

**PEMBANGUNAN MODUL i-SFBT BERASASKAN  
*RIBAT AL-IMANIYYAH* DALAM MENANGANI  
TINGKAH LAKU AGRESIF MURID SEKOLAH**

**NORANIZA BINTI MOHD NOR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**PEMBANGUNAN MODUL i-SFBT BERASASKAN  
*RIBAT AL-IMANIYYAH* DALAM MENANGANI  
TINGKAH LAKU AGRESIF MURID SEKOLAH**

**oleh**

**NORANIZA BINTI MOHD NOR**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2023**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbil‘alamin. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya yang menganugerahkan kekuatan, ketabahan, kesihatan dan kesabaran sehingga kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Diharapkan semoga tesis ini dapat memberikan sumbangan yang berguna dalam bidang pengkajian sebagai usaha memartabatkan agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya penemuan daripada kajian ini hanyalah secebis daripada hikmah-Nya yang Maha Luas.

Kajian ini tidak mampu saya laksanakan dengan lancarnya tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Oleh hal yang demikian, terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas anugerah Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang diberikan. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan khas kepada Dr. Syed Mohamad Syed Abdullah dan Profesor Dr. Noor Shakirah Mat Akhir selaku penyelia-penyelia yang amat saya sanjungi dan kasihi kerana banyak meluangkan masa dan keprihatinan dalam usaha memberikan bimbingan, tunjuk ajar, semangat, motivasi, keyakinan diri, cadangan dan pandangan sepanjang pengajian sehingga selesai kajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada panel-panel penilai tesis ini yang tidak jemu memberikan panduan dalam usaha menyelesaikan tesis ini. Selain turut memberikan pengesahan tentang prosedur bimbingan, pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM) yang turut memberikan pendapat dan buah fikiran sepanjang perjalanan kajian ini. Tidak lupa juga terima kasih ditujukan kepada kakitangan sokongan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM, Bahagian Perancangan Pengkajian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPiNT) pengetua-

pengetua, guru-guru dan murid-murid sekolah yang terlibat atas segala komitmen dan sokongan yang diberikan sepanjang kajian dijalankan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan dan anak didik yang dikasihi sama ada yang jauh mahupun yang dekat di hati. Sesungguhnya saya infakkan segala pahala atas kajian ini kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan tesis ini. Antaranya Dr. Siti Nor Hadis bt. A. Rahman, PM Dr. Mariam bt. Abd. Majid, Dr Sufi b. Romele dan nama-nama lain yang tidak mungkin dapat saya senaraikan semuanya di sini. Namun ingatan saya tetap ada pada semua. Saya infakkan semua pahala yang ada kepada semua yang saya kasihi agar pahala ini menjadi asbab yang memungkinkan kita meneruskan silaturahmi hingga syurga kelak. Pada kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan terima kasih dari hati yang paling dalam buat insan yang sentiasa memberikan sumbangan sama ada berbentuk wang ringgit mahupun cetusan inspirasi yang tidak putus-putus selama saya menyempurnakan kajian ini. Buat rakan sejawat di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail dan rakan-rakan seperjuangan, terima kasih saya ucapkan atas segala-galanya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Rusdi Mat Zin atas kasih sayang, dorongan motivasi sepanjang tempoh belajar ini. Terima kasih juga buat anak-anak Mohamad Lukman Al-Hafiz, Nor Hanan Rifqah, Nor Hanim Najihah, Nor Humaira Aisyah, Muhamad Humaid Al-Hakim, Muhamad Haziq Al Abrar dan Muhamad Danish Rifqi yang banyak memahami dan mendoakan kejayaan umi. Semangat menuntut ilmu ini diharapkan dapat diwarisi oleh kalian kelak dan semoga kalian akan menjadi anak-anak yang soleh dan solehah serta berjaya di dunia dan di akhirat. Segala usaha yang kita lakukan ini diharapkan akan sentiasa dirahmati, diberkati dan diredai oleh-Nya. Aamiin.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xvi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xvii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xviii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xx</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	5
1.3 Penyataan Masalah.....	14
1.4 Objektif Kajian.....	20
1.5 Persoalan Kajian .....	21
1.6 Definisi Konsep dan Operasional .....	22
1.6.1 Modul .....	22
1.6.2 <i>Ribat al-Imaniyyah</i> .....	23
1.6.3 Tingkah laku Agresif .....	24
1.7 Kerangka Teoritikal Kajian.....	25
1.8 Kerangka Konseptual Kajian .....	27
1.9 Kepentingan Kajian.....	28
1.10 Batasan dan Skop Kajian .....	30
1.10.1 Populasi	30
1.10.2 Skop Kajian.....	31
1.10.3 Lokasi Kajian .....	31

1.10.4	Reka Bentuk Kajian .....	32
1.10.5	Instrumen Kajian.....	33
1.11	Kesimpulan .....	33
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN .....</b>		<b>34</b>
2.1	Pengenalan .....	34
2.2	Modul Kaunseling Islam.....	34
2.3	Teori Tingkah Laku Agresif .....	39
2.3.1	Teori Keagresifan (Freud).....	39
2.3.2	Teori Hipotesis Frustrasi - Keagresifan.....	47
2.4	Model Abdullah Nasih Ulwan .....	49
2.4.1	Karya Abdullah Nâsih Ulwân ( <i>Tarbiyatul Aulad fi al-Islam</i> ) .....	51
2.4.2	Pendidikan Islam dan Iman.....	54
2.4.3	<i>Ribat al-Imaniyyah</i> dan Hubungannya dengan Perubahan Tingkah Laku .....	56
2.4.3(a)	Kaedah Memahami Rukun Iman .....	62
2.4.3(b)	Kaedah Memahami Rukun Islam .....	65
2.4.3(c)	Kaedah “Prinsip Asas Syariah (Membezakan yang baik dan yang buruk)” .....	66
2.4.3(d)	Kaedah <i>Istiqamah</i> .....	68
2.5	Teori <i>Solution Focused Brief Therapy</i> .....	71
2.5.1	Pandangan Teori SFBT terhadap Sifat Semula Jadi Manusia .....	73
2.5.2	Ciri-ciri Teori SFBT.....	75
2.5.3	Matlamat dan Prinsip Terapi.....	78
2.5.4	Prinsip-prinsip <i>Solution Focused Brief Therapy</i> .....	79
2.5.5	Peranan Guru Kaunseling dan Matlamat Terapeutik.....	83
2.5.6	Proses Terapeutik.....	86
2.5.7	Teknik-teknik SFBT .....	89
2.5.7(a)	Perubahan Praterapi .....	90

2.5.7(b)	Soalan Keajaiban .....	91
2.5.7(c)	Soalan Mencari Pengecualian .....	91
2.5.7(d)	Soalan Penskalaan.....	94
2.5.7(e)	Soalan Berdaya Tindak Balas .....	95
2.5.7(f)	Soalan Berfokus Masa Hadapan .....	96
2.5.7(g)	Perbincangan Tugasan Sesi Pertama .....	96
2.5.7(h)	Maklum Balas Guru Kaunseling terhadap Klien .....	97
2.5.7(i)	Fasa Penamatan SFBT .....	98
2.5.8	<i>Solution Focused Brief Therapy</i> (SFBT): Selari dengan Prinsip-prinsip Islam .....	100
2.6	Kerangka Teori Kajian.....	104
2.7	Kajian Lepas Pendekatan Kaunseling Islam dan Keperluan Pembangunan Modul .....	106
2.8	Kajian Lepas SFBT .....	111
2.9	Kajian Lepas Tingkah Laku Agresif.....	123
2.10	Kesimpulan .....	132
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>133</b>
3.1	Pengenalan .....	133
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	133
3.2.1	Analisis (Kajian Keperluan).....	135
3.2.2	Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.....	138
3.2.3	Pelaksanaan dan Penilaian Modul.....	140
3.3	Pensampelan Kajian .....	141
3.3.1	Sampel Kajian Fasa Analisis Keperluan .....	142
3.3.2	Sampel Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan .....	144
3.3.2(a)	Fasa reka bentuk .....	144
3.3.2(b)	Fasa pengesahan kandungan modul.....	146
3.3.3	Sampel Kajian Fasa Kebolegunaan.....	147

3.4	Instrumen Kajian.....	147
3.4.1	Instrumen Kajian Fasa I: Soal Selidik Keagresifan Buss dan Perry.....	148
3.4.2	Instrumen Kajian Fasa II: Borang Kesahan Kesepakatan Pakar .....	150
3.4.3	Instrumen Kajian Fasa III: Teknik Kumpulan Nominal (NGT) .....	151
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	152
3.5.1	Pengesahan Instrumen Soal Selidik Analisis Keperluan .....	152
3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Reka Bentuk .....	153
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Penilaian Modul.....	156
3.6	Kaedah Pengumpulan Data Berdasarkan Fasa Kajian.....	156
3.6.1	Kaedah Pengumpulan Data Fasa I: Analisis Keperluan .....	157
3.6.1(a)	Pengumpulan Data Melalui Borang Soal Selidik .....	157
3.6.1(b)	Analisis Dokumen.....	158
3.6.2	Kaedah Pengumpulan Data Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan .....	159
3.6.3	Kaedah Pengumpulan Data Fasa III: Penilaian Kebolegunaan.....	166
3.7	Tatacara Penganalisan Data.....	167
3.7.1	Fasa I: Analisis Keperluan .....	167
3.7.2	Fasa II: Teknik <i>Fuzzy Delphi</i> .....	168
3.7.3	Fasa III: Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (NGT) bagi Fasa Penilaian Kebolegunaan Modul.....	175
3.8	Kesimpulan .....	179
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>180</b>
4.1	Pengenalan .....	180
4.2	Dapatan Kajian Fasa I: Analisis Keperluan .....	180
4.2.1	Analisis Demografi Bagi Kajian Keperluan .....	180



4.2.2	Analisis Keperluan Tahap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Agama .....	181
4.2.3	Analisis Keperluan Komponen Modul bagi Pendekatan <i>Ribat al-Imaniyyah</i> .....	182
4.3	Dapatan Kajian Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.....	190
4.3.1	Dapatan Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Objektif Modul i- SFBT .....	190
4.3.2	Reka Bentuk Elemen Kandungan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) Berdasarkan Kesepakatan Pakar.....	194
4.3.3	Pengesahan Item-item dalam Kandungan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) Berdasarkan Kesepakatan Pakar .....	196
4.3.3(a)	Dapatan Analisis Kesepakatan Pakar bagi Kandungan Modul .....	196
4.3.3(b)	Dapatan Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Kandungan Modul .....	200
4.3.4	Pengesahan Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Amalan Kaunseling .....	206
4.3.5	Dapatan Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Bahan Modul i-SFBT .....	212
4.3.6	Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) Berasaskan Pendekatan <i>Ribat al-Imaniyyah</i> bagi Menangani Tingkah Laku Agresif Murid Sekolah Menengah Agama.....	216
4.4	Kajian Fasa III: Penilaian Kebolegunaan Modul.....	221
4.4.1	Demografi Responden Penilaian Kebolegunaan Modul.....	222
4.4.2	Analisis Penilaian Kebolegunaan Modul I-SFBT terhadap Tingkah Laku Agresif Murid Sekolah Menengah Agama.....	224
4.4.2(a)	Kaedah Sesi Kaunseling “ Meningkatkan Asas Iman” .....	226
4.4.2(b)	Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam” .....	237
4.4.2(c)	Kaedah Sesi Kaunseling “Prinsip Asas Syariah (Membezakan yang baik dan yang buruk)” .....	246
4.4.2(d)	Sesi Penamatan Kaunseling ( <i>Istiqamah</i> ) .....	253

4.4.2(e)	Kesesuaian Urutan Komponen Utama Modul i-SFBT .....	257
4.5	Kesimpulan .....	259
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>		<b>260</b>
5.1	Pengenalan .....	260
5.2	Perbincangan Dapatan Data Analisis Keperluan .....	260
5.3	Perbincangan Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan .....	266
5.4	Perbincangan Dapatan Data Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul.....	270
5.5	Rumusan Dapatan Fasa 1: Analisis Keperluan .....	271
5.6	Rumusan Dapatan Fasa 11 : Reka bentuk dan pembangunan .....	272
5.7	Rumusan Dapatan Fasa 111 : Penilaian Kebolegunaan Modul i-SFBT .....	273
5.8	Implikasi Kajian .....	274
5.9	Kesan Masa Depan Melalui i-SFBT .....	278
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan.....	279
5.11	Kesimpulan .....	280
<b>RUJUKAN .....</b>		<b>281</b>
<b>LAMPIRAN</b>		

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Prinsip SFBT ..... 82
Jadual 3.1	Hubungan DDR dengan Model ADDIE..... 135
Jadual 3.2	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen ..... 137
Jadual 3.3	Statistik Deskriptif (S-K)..... 137
Jadual 3.4	Sampel Murid dalam Kajian Analisis Keperluan Modul ..... 143
Jadual 3.5	Senarai Panel Pembangunan Modul ..... 145
Jadual 3.6	Kategori Pakar Pengesahan Kandungan Modul ..... 146
Jadual 3.7	Instrumen Kajian ..... 148
Jadual 3.8	Pecahan Item Inventori Tingkah Laku ..... 148
Jadual 3.9	Penentuan Tahap Agresif Tingkah Laku ..... 149
Jadual 3.10	Kandungan Borang Kesahan Pakar ..... 150
Jadual 3.11	Instrumen Penilaian Modul ..... 151
Jadual 3.12	Analisis Kebolehpercayaan ..... 153
Jadual 3.13	Ukuran Saiz Sampel dalam Model Pengukuran Rasch ..... 155
Jadual 3.14	Interpretasi Skor Alpha..... 155
Jadual 3.15	Kaedah yang Digunakan bagi Pengumpulan Data serta Ciri-ciri Responden Mengikut Fasa ..... 156
Jadual 3.16	Senarai Pakar Kesahan Instrumen Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT)..... 160
Jadual 3.17	Komen daripada Penilai Pakar Bahasa ..... 160
Jadual 3.18	Senarai Pakar Penilai Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) ..... 161
Jadual 3.19	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar ..... 163
Jadual 3.20	Nilai Kesahan Pakar Berdasarkan Modul dan Aktiviti Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT)..... 164
Jadual 3.21	Komen dan Penambahbaikan oleh Penilai Modul..... 165

Jadual 3.22	Interpretasi Skor Min Dimensi Tingkah Laku Agresif.....	167
Jadual 3.23	Skala Pemboleh Ubah Linguistik 7 Mata .....	173
Jadual 3.24	Contoh Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi 3 Item dan 12 Orang Pakar .....	174
Jadual 3.25	Contoh Peratusan Kesepakatan Pakar .....	174
Jadual 3.26	Contoh Nilai Skor <i>Fuzzy</i> (A).....	175
Jadual 3.27	Kategori Pakar Pengesahan Kebolegunaan Modul .....	177
Jadual 3.28	Penerangan Setiap Langkah Asas Semasa Menjalankan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (NGT).....	178
Jadual 3.29	Contoh Penganalisan Berdasarkan Pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) .....	179
Jadual 4.1	Statistik Deskriptif (Tahap Min).....	182
Jadual 4.2	Komponen Modul.....	185
Jadual 4.3	Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Objektif Modul i-SFBT .....	192
Jadual 4.4	Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi Keseluruhan Item Konstruk Objektif Modul i-SFBT .....	193
Jadual 4.5	Elemen-elemen Penentuan Kandungan Berdasarkan Sorotan Literatur .....	194
Jadual 4.6	Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Kandungan Modul i-SFBT Kaunseling .....	198
Jadual 4.7	Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi Keseluruhan Item Kandungan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) Melalui Analisis Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). .....	199
Jadual 4.8	Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Elemen Kandungan Modul .....	202
Jadual 4.9	Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi Keseluruhan Item Kandungan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) melalui Analisis Kaedah Fuzzy Delphi. ....	204
Jadual 4.10	Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Amalan Modul i-SFBT Kaunseling .....	208
Jadual 4.11	Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi Keseluruhan Item Konstruk Amalan Kaunseling Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT).....	211

Jadual 4.12	Analisis Kesepakatan Pakar bagi Konstruk Bahan Modul i-SFBT.....	214
Jadual 4.13	Nilai <i>Threshold</i> (d) bagi Keseluruhan Item Konstruk Bahan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT).....	215
Jadual 4.14	Susun Atur Kandungan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) .....	217
Jadual 4.15	Maklumat Demografi Responden Penilaian Kebolegunaan Modul.....	223
Jadual 4.16	Penilaian Kebolegunaan Kandungan Utama .....	224
Jadual 4.17	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama.....	225
Jadual 4.18	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama - (Kaedah Sesi Kaunseling “ Meningkatkan Asas Iman”).....	227
Jadual 4.19	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama- Penilaian Awal (Kaedah Sesi Kaunseling “ Meningkatkan Asas Iman”).....	228
Jadual 4.20	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Soalan Ajaib (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”).....	229
Jadual 4.21	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Soalan Mencari Pengecualian (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”) .....	230
Jadual 4.22	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan-soalan Penskalaan (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”).....	231
Jadual 4.23	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Berdaya Tindak Balas (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”) .....	233
Jadual 4.24	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Berfokus Masa Hadapan (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”) .....	234
Jadual 4.25	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Formula Tugas Sesi Pertama (Kaedah Sesi Kaunseling “ Meningkatkan Asas Iman”).....	235
Jadual 4.26	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan bagi Mendapatkan Maklum Balas Klien dalam Sesi (Kaedah Sesi Kaunseling “Meningkatkan Asas Iman”) .....	236
Jadual 4.27	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Pembinaan Repo (Kaedah Sesi Kaunseling “ Memahami Rukun Islam”).....	

	dan Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Penilaian Awal (Sesi Memahami Rukun Islam) .....	238
Jadual 4.28	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Soalan keajaiban (Sesi Memahami Rukun Islam) dan Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Berdaya Tindak Balas (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”) .....	239
Jadual 4.29	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Soalan Mencari Pengecualian (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”).....	241
Jadual 4.30	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama-Soalan Penskalaan (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”) .....	242
Jadual 4.31	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Berfokuskan Masa Hadapan (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”).....	244
Jadual 4.32	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Formula Sesi Pertama (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”) .....	245
Jadual 4.33	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan bagi Mendapatkan Maklum Balas Klien dalam Sesi (Kaedah Sesi Kaunseling “Memahami Rukun Islam”) .....	246
Jadual 4.34	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Pembinaan Repo (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) dan Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Penilaian Awal (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) .....	247
Jadual 4.35	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Ajaib (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) dan Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Mencari Pengecualian (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) .....	248
Jadual 4.36	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan-soalan Penskalaan (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) .....	249
Jadual 4.37	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan Berdaya Tindak Balas (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) .....	250
Jadual 4.38	Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama Soalan-soalan Penskalaan (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk) .....	251

Jadual 4.39	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Formula Tugas Sesi Pertama (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk).....	252
Jadual 4.40	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Soalan bagi Mendapatkan Maklum Balas Klien dalam Sesi (Prinsip Asas Syariah- Membezakan yang Baik dan yang Buruk).....	253
Jadual 4.41	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Pembinaan Repo (Sesi Penamatan Kaunseling) dan Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Penilaian Awal (Sesi Penamatan Kaunseling).....	254
Jadual 4.42	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Soalan-soalan Penskalaan (Sesi Penamatan Kaunseling) dan Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Soalan Berdaya Tindak Balas (Sesi Penamatan Kaunseling).....	255
Jadual 4.43	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Soalan Berfokus Masa Hadapan (Sesi Penamatan Kaunseling) dan Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Formula Tugas Sesi Penutupan (Sesi Penamatan Kaunseling ).....	256
Jadual 4.44	Penilaian Kebolehgunaan Komponen Utama Soalan bagi Mendapatkan Maklum Balas Klien dalam Sesi (Sesi Penamatan Kaunseling).....	257
Jadual 4.45	Penilaian Kesesuaian Urutan bagi Komponen Utama.....	257
Jadual 4.46	Dapatan Penilaian Keseluruhan Kebolehgunaan Modul i-SFBT.....	258

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kajian Menangani Tingkah Laku Agresif..... 26
Rajah 1.2	Kerangka Teoritikal dan Kerangka Metodologi bagi Pembangunan Modul i-SFBT <i>Ribat al-Imaniyyah</i> ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan..... 28
Rajah 2.1	Tanggungjawab Pendidikan Keimanan Anak-anak menurut ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan..... 61
Rajah 2.2	Ciri-ciri Teori SFBT ..... 78
Rajah 2.3	Teknik Terapi Ringkas Berfokuskan Solusi ..... 90
Rajah 2.4	Proses Terapeutik Kaunseling SFBT ..... 99
Rajah 2.5	Kerangka Teori Kajian ..... 105
Rajah 3.1	Data Bertaburan Normal..... 138
Rajah 3.2	Graf Segi Tiga Min Melawan Nilai Triangular ..... 170
Rajah 3.3	Carta Alir Tatacara Pendekatan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)..... 171
Rajah 4.1	Komponen Utama dalam Pembinaan Modul <i>Islamic Solution Focused Brief Therapy</i> (i-SFBT) bagi Menangani Tingkah Laku Agresif Murid SMA ..... 221



## SENARAI SINGKATAN

CPD	Kursus Pembangunan Profesional Berterusan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DDR	Reka Bentuk dan Pembangunan
FDM	<i>Fuzzy Delphi</i>
IPG	Institut Perguruan Guru
i-SFBT	<i>Islamic Solution Focus Brief Therapy</i>
i-CBT	<i>Islamic Cognitive Behavioral Therapy</i>
JPiNT	Pejabat Pendidikan Islam Negeri Terengganu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MKK	Modul Kesediaan Kerjaya
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NGT	Teknik Kumpulan Nominal
PCT	Terapi Berpusatkan Orang
PK HEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
REBT	<i>Rational Emotive Behavior Therapy</i>
SAW	Sallallahu Alaihi Wassalam
SMA	Sekolah Menengah Agama
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SWT	Subhanahu Wa Taala
SFBT	<i>Solution Focused Brief Therapy</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Bahan Edaran Modul
Lampiran 2	Slaid Modul i-SFBT
Lampiran 3	Modul i-SFBT
Lampiran 4	Panduan Lengkap Cara Solat Sunat Taubat Ringkas serta Bacaan Doa Taubat
Lampiran 5	Fasa 1 Soal Selidik Tingkah Laku Agresif
Lampiran 6	Fasa 2 Reka Bentuk <i>Fuzzy Delhi</i>
Lampiran 7	Fasa 3 Rintis Soal Selidik Kesahan Modul Russell
Lampiran 8	Fasa 3 NGT Soal Selidik
Lampiran 9	Surat Lantikan Pakar
Lampiran 10	Pengesahan Kandungan
Lampiran 11	Surat Program Tempat
Lampiran 12	Analisis Ujian Rintis
Lampiran 13	Analisis Data

**PEMBANGUNAN MODUL i-SFBT BERASASKAN *RIBAT AL-IMANIYYAH*  
DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU AGRESIF MURID SEKOLAH**

**ABSTRAK**

Pendekatan kaunseling yang diamalkan di Malaysia masih dipengaruhi oleh pemikiran Barat. Pengisian teori daripada pendekatan Barat ini didapati berbeza daripada konteks agama dan budaya masyarakat di Malaysia serta kurang praktikal untuk diaplikasikan bagi menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid beragama Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, pendekatan dan teori dalam amalan kaunseling perlu disesuaikan dengan pendekatan Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan modul kaunseling Islam, iaitu *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (selepas ini dikenali sebagai i-SFBT) yang berdasarkan pemikiran Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah. Kajian bagi pembangunan modul ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang melibatkan tiga fasa, iaitu analisis keperluan, pembangunan reka bentuk serta penilaian kebolegunaan. Responden kajian ini terdiri daripada 200 orang murid sekolah menengah agama, 15 orang pakar bidang kaunseling dan Kaunseling Islam, pakar modul dan kaunselor berdaftar serta 40 orang guru kaunseling sekolah menengah agama. Instrumen yang digunakan pada fasa analisis keperluan ialah soal selidik yang diberikan kepada murid untuk mengumpul maklumat tentang tahap keagresifan mereka. Borang pengesahan pakar digunakan sebagai instrumen untuk fasa reka bentuk dan pembangunan dengan menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Fasa ketiga, iaitu penilaian kebolegunaan modul pula mengaplikasikan Kaedah Kumpulan Nominal (NGT) yang diubahsuai dalam kalangan guru kaunseling sekolah. Hasil daripada dapatan kajian

menunjukkan bahawa tahap tingkah laku pelajar berada pada tahap sederhana tinggi selain terdapat 4 konstruk utama modul i-SFBT, iaitu objektif (6 item), kandungan (10 item) dan elemen kandungan (28 item), amalan kaunseling (18 item) dan bahan (9 item) modul yang diterima dan disepakati oleh 15 orang pakar berdasarkan pengiraan dalam FDM. Hasil penilaian kebolegunaan modul menerusi analisis NGT pula menunjukkan bahawa 100% daripada guru kaunseling sekolah bersetuju dengan kesesuaian modul i-SFBT. Sebagai kesimpulannya, Modul i-SFBT boleh digunakan oleh guru kaunseling untuk menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid di sekolah menengah agama.

**DEVELOPMENT OF i-SFBT MODULE BASED ON *RIBAT AL-IMANIYYAH*  
IN ADDRESSING SCHOOL STUDENTS' AGGRESSIVE BEHAVIOR**

**ABSTRACT**

Counselling approaches implemented in Malaysia are still influenced by the western ideology. Theories from western ideologies are found to be different in the contexts of religion and the culture of Malaysian society, as well as less practical to apply when dealing with aggressive behaviour among the Muslim pupils in Malaysia. Thus, the approach and theory in the counselling practice should be adapted with Islamic concepts. Ergo, this research is carried out to develop an Islamic counselling module, that is, Islamic Solution Focused Brief Therapy (will be referred later as i-SFBT) which is based on Abdullah Nasih Ulwan's thought to deal with aggressive behaviour among pupils. This module development research applies Design and Development Research (DDR) approach, consisting of three phases: the need analysis, the design and development, and usability evaluation. The respondents consist of 200 religious school pupils, 15 experts comprising counseling and Islamic counseling experts, module experts and registered counselors as well as 40 religious school counselling teachers. Instrument used for need analysis is questionnaire administered to pupils to gather the information on their level of aggressiveness. Expert validity form used as the instrument for the design and development phase developed through Fuzzy Delphi Method (FDM). The third phase, the evaluation of module usability applied modified Nominal Group Technique (NGT) among the school counselling teachers. Findings showed the level of aggressiveness of the pupils is moderate, whereas 4 main constructs of i-SFBT module were determined, which are objectives

(6 items), contents (10 items) and content elements (28 items), practise (18 items) and materials (9 items), accepted and agreed by consensus from 15 expert panels based on FDM calculation. The result of the evaluation of module usability through NGT revealed 100% of the school counselling teachers agreed with i-SFBT module compatibility. The i-SFBT module can be applied by counselling teachers to deal with aggressive behaviour among the pupils in Malaysia.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Institusi pendidikan sekolah merupakan sebuah institusi yang menyebarkan ilmu pengetahuan dan membentuk jati diri serta kemandirian murid. Namun pelibatan murid dalam kes disiplin telah merosakkan generasi harapan bangsa ini. Permasalahan tingkah laku negatif oleh murid sekolah seperti perlakuan agresif yang menjurus kepada pukul, buli, vandalisme dan kumpulan samseng (Anand *et al.*, 2019; Nurzatil & Zulkifli, 2018; Rozeman *et al.*, 2019) telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan.

Mungkin pada awal tahun 1990-an, isu sosial dan pelanggaran disiplin dalam kalangan murid dapat dicegah dengan kaedah merotan atau hukuman keras. Namun pada zaman yang serba canggih ini, kaedah demikian tidak lagi sesuai untuk diamalkan dan alternatif lain yang bersesuaian perlu dicari. Menurut Jamaludin (2014), punca kepada isu yang melibatkan jenayah seperti gangsterisme dan samseng, gejala ponteng sekolah dan *black metal* perlu dilihat dari sudut emosi dan intelek. Azemi (2014) pula menyatakan bahawa bantuan unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah boleh memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sesuai bagi menangani isu ini.

Hassan (1990) dan Abdul Halim (1986) menjelaskan bahawa pendekatan acuan Barat dalam kaunseling yang bertentangan dengan agama dan budaya tidak boleh digunakan di Malaysia. Menurut pandangan Barat, kekuatan akal dan pancaindera akan digunakan semaksimum mungkin untuk menyelesaikan setiap isu yang dihadapi melalui pelbagai kaedah dan teknik pemikiran seperti pemikiran logik,

saintifik, kreatif dan literal. Hal ini berbeza daripada perspektif Islam. Menurut Abdul Rahman (2006), Islam tidak menolak kaedah-kaedah pemikiran tersebut, namun yang lebih penting ialah kaedah tersebut harus ditunjangi dengan tauhid, tasawuf dan syariat yang berteraskan wahyu Ilahi. Berdasarkan penyelesaian secara Islam (*al-Hallu Islami*), hal ini disebut sebagai pendekatan akidah, akhlak dan syariat yang berdasarkan ajaran al-Quran dan al-sunnah (Salhah, 2017).

Namun apabila melihat keperluan penerokaan amalan kaunseling itu sendiri yang perlu berdasarkan perspektif Islam dalam kalangan kaunselor (Norazlina & Noor Shakirah, 2019), maka secara umumnya dapatlah dirumuskan bahawa hasil kajian lepas telah membuktikan kepentingan nilai keagamaan dalam perkhidmatan kaunseling. Seseorang guru kaunseling mestilah berpendidikan dan mempunyai ilmu serta kemahiran semasa mengendalikan sesi kaunseling. Keimanan merupakan asas dalam konsep kaunseling Islam. Oleh itu, konsep keimanan tidak boleh dipisahkan daripada ilmu kaunseling Islam. Sejarah juga telah membuktikan keberkesanan pendekatan keimanan kepada Allah SWT dalam penyembuhan jiwa manusia (Siti Norlina, 2018) dan apabila elemen ini disuburi sewaktu kecil akan menjadi pencegah kepada penyakit jiwa (Najati, 2001).

Secara praktikalnya, pendekatan dan perkhidmatan kaunseling ialah alternatif kepada individu atau kelompok untuk mencari penyelesaian kepada konflik yang dihadapi (Sapora, 2009). Hakikatnya, setiap pendekatan mempunyai matlamat dan kehendak yang dicapai menerusi keputusan dan penyelesaian yang diambil berdasarkan permasalahan yang dihadapi. Sebagai contohnya, Rasulullah SAW sendiri telah menggunakan pendekatan kaunseling (Wan Abd. Kader & Ismail, 2006) bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi ketika itu dengan menghantar Muaz bin Jabal sebagai gabenor ke Yaman.



Ketika Rasulullah SAW menghantar Saidina Mu'az bin Jabal R.AH ke Yaman, baginda terlebih dahulu bertanyakan beberapa soalan kepada Mu'az berdasarkan hadis yang berikut:

عن الحارث بن عمرو، عن رجال من أصحاب معاذ، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم بعث معاذًا إلى اليمن، فقال: «كيف تقضي؟»، فقال: أقضي بما في كتاب الله، قال: «فإن لم يكن في كتاب الله؟»، قال: فبسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: «فإن لم يكن في سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم؟»، قال: أجتهد رأيي، قال: «الحمد لله الذي وفق رسول رسول الله»

*Terjemahan: Daripada Harith bin Amru, daripada kalangan para sahabat Muaz bahawa Rasulullah SAW telah mengutus Muaz ke Yaman lalu beliau bersabda dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Mu'az menjawab: Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah. Baginda bersabda: Sekiranya ia tidak terdapat di dalam Kitabullah ? Maka jawab Mu'az: Aku akan berhukum dengan sunnah Rasulullah SAW. Baginda bertanya lagi: Sekiranya tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah SAW ? Jawab Mu'az: Aku akan berijtihad dengan pendapatku. Maka Rasulullah SAW bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah SAW.*

*Hadis riwayat al-Tirmizi (1327)*

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW sedang menguji pendekatan yang digunakan oleh Saidina Mu'az semasa menyampaikan dakwah. Setelah berpuas hati dengan pendekatan manhaj Saidina Mu'az dalam berhukum, iaitu

mendahulukan al-Quran kemudian al-sunnah dan seterusnya ijtihad, maka baginda pun mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT.

Hadis ini menunjukkan cara Muaz mencari solusi kepada kebarangkalian situasi yang dihadapi al-sunnah. Sekiranya tiada panduan daripada al-Quran dan hadis, maka Muaz akan berijtihad dengan pandangannya. Al-Mubarakfuri (2005) *menaqalkan* daripada Ibn al-Athir bahawa ijtihad dengan pandangan bukan menggunakan akal semata-mata dalam penyelesaian masalah tetapi dengan kaedah membentangkan masalah yang berlaku dan mencari persamaannya menurut al-Quran dan al-sunnah. Kaedah ini disebut sebagai '*qiyas*'. Pendapat ini disokong oleh al-Khatabi (2008) dalam kitab *Maalim al-Sunan Syarh Sunan Abi Daud* yang juga *dinaqalkan* oleh Al-Mubarakfuri (2005) dengan mengatakan bahawa ijtihad bukanlah mengeluarkan solusi daripada pandangan dan akal fikiran sendiri, bahkan mesti berpandukan al-Quran dan al-sunnah melalui kaedah '*qiyas*'. Hal ini jelas menunjukkan setiap permasalahan yang hendak diselesaikan solusinya ada pada al-Quran dan al-sunnah.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan soalan yang ditujukan oleh Rasulullah SAW kepada Muaz seperti yang terdapat dalam hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa baginda ingin memastikan Muaz mengetahui kaedah-kaedah yang perlu dilakukan dalam penetapan sesuatu hukum, iaitu merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah dalam sebarang keadaan dan hanya menggunakan akal yang berlandaskan al-Quran dan al-sunnah. Berdasarkan hadis di atas, ijtihad atau keputusan sendiri yang diambil dengan menggunakan akal fikiran dan kefahaman, iaitu tidak terpesong daripada al-Quran dan al-sunnah merupakan satu isyarat yang dibolehkan untuk membuat keputusan dengan kehendak sendiri setelah garis panduan diberikan oleh pihak yang berkeelayakan dalam bidangnya (al-Khattabi, 2008).

Dalam konteks hadis ini dapatlah dikaitkan bahawa penyelesaian masalah dalam sesi kaunseling yang dilaksanakan terhadap murid-murid boleh berasaskan ijtihad atau pandangan sendiri selagi tidak menyalahi al-Quran dan al-sunnah. Sehubungan dengan hal ini, prinsip kaunseling *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) adalah antara prinsip utama yang menjadi rujukan kaunselor dalam kajian ini bagi membantu klien sebagai sumber dan kekuatan kepada diri klien itu sendiri (Kee dan Aslina, 2019). SFBT tidak tertumpu kepada punca isu tetapi lebih menjurus kepada solusi mengenai isu dalam sesi yang dijalankan. Pendekatan kaunseling SFBT yang dilaksanakan ini sejajar dengan konsep yang wujud dalam Islam. Dalam konteks kajian ini, pendekatan dan teori yang digunakan bagi menangani isu agresif dalam kalangan murid ketika proses kaunseling ialah Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* dan Teori Terapi Penyelesaian Isu Berfokus (SFBT).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sekolah telah menjadi tempat keganasan dan banyak jenayah yang berlaku disebabkan tingkah laku agresif yang tidak terkawal (Norisham, 2010; Rozeman *et al.*, 2019). Walaupun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengeluarkan pekeliling khas berkenaan dengan prosedur dan kaedah menangani murid yang bermasalah di sekolah (Khalim Zainal & Wan Zulkifli, 2009), statistik tingkah laku agresif disiplin yang direkodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menunjukkan peningkatan jumlah murid yang terlibat dengan tingkah laku agresif. Sebanyak 1,054 kes telah dilaporkan sejak Januari hingga Jun 2018 (Berita Harian Online, 2018). Semua ini menunjukkan bahawa keparahan masyarakat hari ini berpunca daripada aspek 'roh' yang sakit (Ahmad, 2008; Jamal & Sulaiman, 2018). Oleh itu, kesediaan untuk meneroka kemahiran

dan ilmu kaunseling dalam usaha menyelami jiwa murid-murid termasuk yang menggunakan pendekatan Islam sangat diperlukan bagi membantu isu tingkah laku agresif dalam kalangan murid.

Al-Ghazali (2013) menjelaskan bahawa tingkah laku agresif ialah penyakit amarah yang berasal daripada isu spiritual. Cornell *et al.* (1999) menyatakan bahawa marah merupakan punca permulaan kepada tingkah laku agresif. Salasih (2008) menyatakan bahawa isu tingkah laku agresif boleh disembuhkan dengan meningkatkan keimanan dalam diri. Al-Ghazali meletakkan unsur penyucian jiwa sebagai matlamat yang paling utama dalam pembinaan akhlak dalam diri manusia (Umaruddin, 1977). Aspek ini berbeza daripada aliran falsafah yang berasaskan rasional akal (Umaruddin, 1977). Tingkah laku agresif kalangan murid didapati berlaku disebabkan kurangnya daya kawalan sendiri dan tahap keimanan yang lemah. Sehubungan dengan itu, elemen kerohanian perlu diterapkan dalam diri mereka supaya mereka menjadi individu yang stabil dari segi emosi, jasmani, intelek, dan rohani (Mashira, 2015).

Oleh itu, guru kaunseling harus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kaunseling dari semasa ke semasa untuk membantu murid mengawal emosi mereka seperti mengikuti Kursus Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) (Mey, 2018). Kaunselor juga wajib menguasai kemahiran lain dengan baiknya, iaitu kemahiran teori kaunseling ketika sesi kaunseling (Barth *et al.*, 2019; Putra & Rahman, 2019; Rohaida *et al.*, 2017). Selain teori ini, Teori *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) sering digunakan dalam isu hubungan kekeluargaan dan isu yang berkaitan dengan akhlak manusia. Teori ini berupaya mengurangkan kerumitan situasi terapeutik. Proses kaunseling terapeutik merupakan hubungan yang penting antara kaunselor dengan

klien (Amir, 1987; Muhd. Mansur, 1993; Othman, 2001; Sapora & Ruhaya, 2012; 2019).

SFBT juga sering digunakan di negara Barat dalam sesi kaunseling yang berkaitan dengan tingkah laku (Bond *et al.*, 2013; Ingersolldayton *et al.*, 2008), pasangan dan keluarga (Choi, 2020), kemurungan dan kebimbangan (Aminnasab *et al.*, 2018; Gupta & Rai, 2019; Spilsbury, 2012; Zhang *et al.*, 2019). SFBT telah menjadi satu pendekatan yang popular dalam amalan kaunseling di Amerika Syarikat. Satu kajian yang dijalankan terhadap kaunselor profesional mendapati bahawa pendekatan yang tertumpu pada penyelesaian masalah mendapat kedudukan tertinggi berbanding dengan pendekatan yang lain (Barth & Moody, 2019). Teori SFBT ini juga telah diterima dan diguna pakai oleh para pengkaji di Malaysia dalam aspek akademik murid (Nor Hernamawarni *et al.*, 2014), tingkah laku dan keluarga (Nik Azlan, 2007) dan kebimbangan (Ellys Juwita Purba, 2018).

Salah satu pendekatan dalam Teori SFBT yang berfokus kepada pendekatan dalam penyelesaian isu menggunakan beberapa teknik seperti Teknik Soalan Keajaiban, Teknik Penskalaan dan lain-lain (Corey, 2012; Newsome, 2004; Kee & Aslina, 2019; Wettersten *et al.*, 2005). Dengan menggunakan teknik ini, klien akan memaparkan emosi seperti marah, geram, sedih dan perasaan dendam terhadap kaunselor (Rohaida, 2017). Bagi mengatasi keadaan ini, klien perlu dibantu secara berhemah serta diberi kesedaran secara autoritarian atau menggunakan pendekatan yang tegas dan mantap. Teknik penggunaan soalan dalam SFBT yang berfokus pada penyelesaian pula telah terbukti dapat mengurangkan kesan negatif dan meningkatkan keberkesanan diri klien (Grant & O'Connor, 2010; Siti Suhaila *et al.*, 2018).

Dalam teori kaunseling Barat, walaupun SFBT ini popular dalam pendekatan kaunseling Barat, teori ini masih perlu diubahsuai dalam ruang lingkup budaya masyarakat dan agama di Malaysia (Abas, 2018; Dini Farhana *et al.*, 2017).

Selain itu, terdapat pelbagai modul yang menggunakan pendekatan kaunseling Islam, terutamanya bagi menangani isu yang berkaitan dengan tingkah laku pelajar di beberapa institusi pemulihan kerajaan dan swasta. Senario ini menunjukkan bahawa peranan pendidik sangat penting dalam usaha membentuk spiritual dan tingkah laku remaja (Che Zarrina *et al.*, 2019) kerana Islam mementingkan aspek dalaman dan kerohanian bagi membentuk sahsiah dan peribadi yang baik. Pendekatan rohani dalam kaunseling sangat berkesan dan dapat menyelesaikan isu klien (Al-Dousari & Prior, 2019; Hanin Hamjah *et al.*, 2020). Oleh yang demikian, pendekatan Islam dalam amalan kaunseling sangat diperlukan untuk menangani isu tingkah laku agresif dalam kalangan murid.

Pada hakikatnya, pendekatan pendidikan Islam amat menitikberatkan unsur spiritual dan juga fizikal (Che Zarrina *et al.*, 2019). Pembinaan kekuatan spiritual lebih diutamakan dalam proses rawatan yang melibatkan mental dan tingkah laku serta berupaya membina potensi yang luar biasa bagi membentuk kekuatan jiwa (Siti Norlina, 2018). Seiring dengan situasi ini, terdapat pelbagai modul yang menggunakan pendekatan kaunseling Islam, terutamanya bagi mengatasi isu yang berkaitan dengan tingkah laku pelajar di beberapa institusi pemulihan kerajaan dan swasta. Ini menunjukkan bahawa peranan pendidik sangat penting dalam usaha membentuk spiritual dan tingkah laku remaja (Che Zarrina *et al.*, 2019) kerana Islam mementingkan aspek dalaman dan kerohanian bagi membentuk sahsiah dan peribadi yang baik.

Seterusnya, terdapat banyak teori pendekatan kaunseling Islam yang digunakan di Malaysia dan disesuaikan mengikut model-model tertentu. Antaranya ialah integratif dan tradisional (Khairunnas, 2015). Selain model-model ini, modul kaunseling Islam yang dikemukakan termasuklah Kaunseling Kognitif *Ad-Deen*, *Islamic Cognitive Behavioral Therapy* (i-CBT), Kaunseling Bina Jiwa, al-Ghazali dan *Asmaul Husna* (Norazlina & Noor Shakirah, 2017). Zulkifli pula mengemukakan Modul Bena Katarsis (MBK) untuk mengurus kebimbangan akademik dalam kalangan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) (2018). Modul-modul oleh para sarjana tersebut dihasilkan berteraskan pendekatan al-Ghazali. Kajian yang berkaitan dengan pembinaan modul ini mengintegrasikan pendekatan Abdullah Nasih Ulwan berdasarkan *Tarbiyah al-Aulad*.

Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan ini lebih berfokuskan kanak-kanak dan remaja berbanding dengan Pendekatan al-Ghazali yang bersifat umum dari segi umur. Oleh sebab itu, kelebihan yang terdapat dalam Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dilihat menjadi faktor terbesar untuk dipilih dan diterapkan dalam kajian ini. Selain itu, konsep dalam Pendekatan al-Ghazali berpaksikan pembangunan kerohanian insan, iaitu *qalb*, *roh*, *nafs* dan *'aql* yang bergantung sepenuhnya kepada usaha seseorang individu (Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Mingal, 2011), manakala konsep dalam Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan pula lebih menjurus kepada panduan untuk mendidik insan dengan lima kaedah: contoh teladan, adat kebiasaan, nasihat dan bimbingan, pemerhatian dan pengawasan dan denda dan hukuman, yang perlu dilaksanakan antara ibu bapa dengan anak-anak (Siti Nurjanah et al., 2019). Oleh itu, Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan lebih relevan digunakan dalam pembangunan Modul i-SFBT *Ribat al-Imaniyyah* kerana pendekatannya lebih sesuai untuk murid sekolah dan pelaksanaan modul pula melibatkan kerjasama antara dua pihak, klien

dan guru kaunseling. Selain itu, pendekatan dan kupasan cara pendidikan kanak-kanak dalam karya Abdullah Nasih Ulwan lebih terperinci, menyeluruh dan kontemporari memandangkan Abdullah Nasih Ulwan hidup selepas zaman al-Ghazali.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh ahli sarjana untuk mengetengahkan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* bagi merawat jiwa anak-anak dan remaja (Ismail & Daud, 2014; Khairil, 2014; Siti Nor Shuhada, 2015; Sofiani Azizah, 2017). Penekanan spiritual menerusi Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* oleh Abdullah Nasih Ulwan didapati berbeza daripada pendekatan spiritual al-Ghazali dari segi pendidikan spiritual. Al-Ghazali menggagaskan aspek spiritual menerusi amalan dan akhlak untuk membuahkan keimanan seseorang hamba secara umum, sebaliknya pendidikan spiritual oleh Abdullah Nasih Ulwan mengemukakan konsep *ribat al-imaniyyah* menerusi penekanan tentang keimanan (rukun iman), pengamalan (rukun Islam) dan prinsip asas syariah (membezakan perkara yang baik dengan yang buruk) lebih berfokus kepada pendidikan anak-anak secara khusus (Abdullah Nasih Ulwan, 2011; al-Ghazali, 1991). Hal ini selari dengan kajian tentang pembinaan modul ini yang dibentuk untuk menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah.

Dalam kajian ini, *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) dijadikan asas yang mendasari pembangunan modul kaunseling ini. SFBT ialah model kaunseling yang sesuai dengan nilai, indikasi kejayaan dan serasi dengan konsep kepercayaan agama Islam. SFBT berlainan dengan model kaunseling dan psikoterapi tradisional kerana SFBT kurang memberikan penekanan kepada pendedahan diri (*self-disclosure*), dan fokus utamanya ialah kecekapan, patologi atau isu, dan individu yang menyelesaikan isu mereka sendiri (Chaudhry & Li, 2011).



Amalan dalam kaunseling SFBT menekankan dorongan minimum yang berkaitan dengan pendedahan diri (*self-disclosure*), rawatan jangka pendek, kekuatan dan orientasi positif. Namun aspek tersebut perlu diintegrasikan dengan budaya, agama dan jantina serta hierarki sosial perlu dititikberatkan melalui pelibatan ahli keluarga atau orang tengah (Lambert, 2008). Dari sudut pandangan Islam pula, SFBT menyingkap pandangan tentang tanggungjawab individu terhadap perbuatannya dan kesannya dalam masyarakat. Kenyataan ini sejajar dengan pandangan bahawa setiap individu bertanggungjawab ke atas apa-apa yang dikerjakannya walau sekecil-kecil perkara (Syed Omar, 1994). Dalam perspektif Islam, SFBT perlu berintegrasi dengan nilai-nilai, etika-etika, dan kod tingkah laku Islam dalam kaunseling yang berkaitan dengan klien Muslim.

Selain itu, konsep SFBT juga sesuai dengan konsep Islam dari segi kekuatan individu dan tingkah laku semasa lebih diutamakan daripada tingkah laku pada masa lampau (Palmer, 2011). Seterusnya, keserasian antara SFBT dengan prinsip Islam dapat dibuktikan menerusi tanggapan individual, kehendak sendiri dan tanggungjawab, iaitu berdasarkan kepercayaan, perbuatan baik dan tidak membezakan jantina. SFBT turut menggalakkan klien menghadapi situasi yang kompleks dan sukar walaupun perubahan itu merupakan satu perubahan yang kecil dan diharapkan perubahan tersebut memberikan peluang kepada kejayaan yang lebih besar dalam perubahan tingkah lakunya. Antara matlamat sesi kaunseling SFBT termasuklah tidak meletakkan pemisah antara fikiran dengan perbuatan (Valiante, 2003).

Namun begitu, terdapat perbezaan yang jelas antara SFBT dengan prinsip Islam, termasuk isu dosa dan kejahatan dan pemahaman sosial masyarakat Islam. Guru kaunseling juga selalu menggunakan Teknik Soalan Keajaiban yang berfokuskan penyelesaian. Klien akan membentuk hubungan baharu antara kaunselor dengan klien.

Dua konotasi soalan keajaiban (*miracle question*) ialah keagamaan dan juga klinikal (Valiante, 2003).

Seterusnya, beberapa aspek dalam pendekatan SFBT dilihat sesuai dengan konsep kepercayaan agama Islam, namun terdapat kemungkinan untuk klien muslim menolak konsep soalan keajaiban yang dikemukakan dalam pendekatan ini. Soalan keajaiban dalam SFBT mendorong klien membayangkan bagaimana perasaan mereka jika masalah yang dihadapi tiba-tiba hilang daripada hidup mereka dan mereka disuruh untuk menganalisis tindakan yang mungkin menyumbang kepada perubahan tersebut. Pada dasarnya, tindakan klien tidak dianggap bertentangan dengan akidah apabila membayangkan hal tersebut. Namun, pada hakikatnya situasi tersebut hanya mungkin terjadi dengan kekuasaan dan izin Allah SWT (*qada'* dan *qadar*). Sebagai seorang muslim, kita wajib mempercayai akan *qada'* dan *qadar* Allah SWT. Oleh itu, ketika mengemukakan soalan keajaiban kepada klien, guru kaunseling haruslah menekankan kemungkinan masalah tersebut hilang dengan kekuasaan dan izin Allah SWT. Syed Mohammad Hilmi dan Che Zarrina (2008) juga menekankan bahawa keyakinan dan kefahaman seseorang individu tentang ketentuan Allah SWT akan membentuk corak tingkah laku seseorang individu muslim.

Alternatif yang dicadangkan untuk mengatasi isu ini adalah menerusi penggunaan soalan berbentuk keagamaan yang dapat memberikan keputusan kepada soalan tersebut. Oleh itu, kaunselor boleh menggunakan soalan berorientasikan masa hadapan untuk mencapai tujuan terapeutik yang sama (Lee & Mjelde-Mossey, 2004). Sebagai contohnya, "*Sekiranya anda bangun keesokan harinya, apakah perkara kecil yang anda sedari menyebabkan perubahan dalam kehidupan anda?*", "*Bagaimanakah anda melihat diri anda dalam jangka masa tiga bulan dari sekarang?*", "*Bagaimanakah anda tahu bahawa anda sudah berubah?*", atau

*“Sekiranya Tuhan menerima doa anda, bagaimanakah anda akan berbeza daripada diri anda sekarang?”.*

Selain itu, terdapat beberapa kekurangan dalam kaedah SFBT, iaitu: “kegagalan untuk mengenal pasti dosa dan kejahatan dalam diri manusia dan dalam sistem sosial dan budaya” dan andaian bahawa “niat manusia selalunya baik dan klien akan memilih kemungkinan yang tidak akan membahayakan diri mereka atau orang lain” (Bidwell, 1999).

Daripada perspektif Islam, Islam menolak sifat manusia itu adalah jahat kerana konsep fitrah; iaitu suatu sifat semula jadi menolak kebaikan, yang terjadi kerana kesan konflik dalaman. Walaupun Allah SWT Pencipta mutlak, hakikatnya manusia sendirilah yang memilih untuk melakukan kejahatan kerana kebebasan memilih telah dikurniakan oleh Tuhan. Oleh sebab individu mempunyai kebebasan tersebut, mereka boleh memilih kebaikan atau kejahatan, dan mempunyai kekuatan untuk menolak perkara-perkara tersebut melalui tindakan dan sikap mereka.

Bidwell (1999) juga mempersoalkan pilihan ‘penyelesaian’ yang mempunyai elemen dosa. Oleh itu, suatu penyelesaian yang tidak mengikut syariat Islam akan ditolak oleh klien Muslim. Situasi ini perlu diambil berat oleh guru kaunseling agar tidak mengemukakan cadangan dan pandangan mereka sendiri untuk menyelesaikan isu klien. Untuk memastikan budaya, agama, dan hierarki masyarakat dapat dipenuhi, SFBT boleh diguna pakai. Hal ini dikatakan demikian kerana model SFBT meliputi kaunseling penerapan budaya (Arthur & Collins, 2005). Menurut Lambert (2008), model ini penting bagi menentukan penyelesaian melalui keluarga, sanak-saudara, agama, dan budaya sebagai sokongan dan orang tengah dalam proses perantaraan. Lambert (2008) mencadangkan penggunaan soalan berikut (diadaptasi):

- (i) Siapakah antara keluarga anda menghadapi situasi seperti ini?
- (ii) Bagaimanakah mereka menyelesaikannya?
- (iii) Apakah pandangan ayah (suami, kakak, ibu) anda mengenai isu ini?
- (iv) Siapakah antara ahli keluarga anda yang dapat membantu anda menangani isu ini?

### **1.3 Penyataan Masalah**

Tingkah laku agresif menyebabkan berlakunya tingkah laku ganas dan berbahaya kepada banyak orang. Tingkah laku agresif yang tidak terkawal menyebabkan kesukaran penyesuaian sosial seperti memusnahkan hubungan, kesihatan, kerjaya, kegembiraan hidup atau tingkah laku antisosial yang lain. Statistik yang tertera dalam akhbar sering melaporkan bahawa keganasan telah melanda dan meluas di sekolah awam atau di sekolah swasta (Herrmann & McWhirter, 2003). Menurut Rozeman *et al.* (2019), peningkatan kes jenayah dan tingkah laku agresif murid sekolah menengah di Malaysia seperti membunuh, seks bebas, gengsterisme dan membuli telah mencetuskan keresahan dalam kalangan masyarakat. Sebanyak 38 kes tingkah laku agresif berlaku di sekolah-sekolah di negara ini dalam tempoh empat bulan pertama bermula pada Januari tahun 2022. Daripada jumlah itu, lapan kes berlaku di negeri Pahang manakala tujuh kes berlaku di Terengganu. Terengganu merupakan negeri kedua tertinggi yang mencatatkan rekod tingkah laku agresif selepas negeri Pahang berbanding dengan negeri-negeri lain (Akhbar Sinar Harian, 22 Disember 2022). Menurut Haslinda *et al.* (2015), kumpulan yang berumur 15-30 tahun di Malaysia cenderung untuk bertingkah laku agresif disebabkan kurangnya program intervensi yang relevan dan cekap. Walaupun program sedemikian semakin

meningkat, penyelidikan dalam kalangan golongan remaja masih kurang dan penilaian empirikal tahap keberkesanan intervensi adalah rendah (Cole, 2008).

Teori yang berkaitan dengan intervensi kaunseling dilihat dapat menghuraikan faktor-faktor kemungkinan yang menjadi punca klien bertingkah laku agresif. Guru kaunseling yang melaksanakan intervensi tanpa menggunakan sebarang teori akan menghasilkan tindakan yang tidak sistematik. Sesi kaunseling memerlukan program intervensi yang berdasarkan model berdaya tindak dari segi teori dan penggunaannya. Pelibatan dan perhubungan antara murid dengan guru kaunseling adalah penting semasa sesi kaunseling. Murid yang bertingkah laku agresif merupakan satu cabaran kepada kaunselor (Reni Akbar-Hawadi, 2002). Keengganan mereka untuk melakukan pendedahan sendiri boleh mengganggu sesi kaunseling kerana sesi kaunseling bertujuan untuk menumpukan aspek penyelesaian masalah di sekolah.

Guru kaunseling perlu diberi pendedahan dengan pendekatan kaunseling Islam yang berstruktur semasa menjalankan sesi kaunseling dengan murid. Tambahan pula, terdapat sesetengah murid yang mempunyai sifat tidak suka bercakap benar dan suka mempertahankan diri dengan mengatakan bahawa dirinya tidak boleh dipersalahkan (Jamaludin, 2014). Dalam konteks kajian ini, teori yang sesuai diaplikasikan ketika proses kaunseling bersama dengan klien ialah Teori *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT). Walaupun *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) tidak berfokuskan permasalahan klien, perhubungan antara guru kaunseling dengan klien tidak diabaikan seperti yang dikemukakan dalam SFBT (Kim et. al 2008). Perhubungan ini dijadikan sebagai syarat utama dalam kaunseling (BoVee-Akyurek *et al.*, 2019; De la Fuente Blanco *et al.*, 2019).

Kebanyakan modul kaunseling sedia ada yang digunakan oleh guru kaunseling dan pengamal psikologi berdasarkan pendekatan Barat yang menjurus kepada intervensi pengurusan stres (Mohd Hafidz *et al.* 2017; Wan Anor *et al.* 2018), intervensi terapi tingkah laku (Wan Anor, 2016), terapi dan intervensi kepada mangsa buli (Nik Noorkhairulnissa, 2018; Shafie *et al.* 2016), Terapi Tingkah Laku Emotif Rasional (Yasmin & Fatimah, 2010) dan Modul Kesediaan Kerjaya (MKK) sebagai psikoterapi yang tidak menjurus kepada pendekatan Islam.

Pendekatan kaunseling dalam konteks Islam yang berkait rapat dengan elemen spiritual dilihat mampu menangani masalah tingkah laku agresif (Jamal & Sulaiman, 2018). Yatimah (2005) Mashira (2017) mengemukakan model pendekatan Islam berasaskan sifat-sifat manusia oleh al-Ghazali sebagai kerangka teori dalam langkah-langkah bimbingan kaunseling. Yatimah (2005) menyenaraikan proses-proses kaunseling, iaitu pengenalan dan bina hubungan, meneroka diri dan isu, mengenal pasti punca dan jenis isu, memberikan ubat yang sesuai dengan penyakit dan langkah penilaian termasuk enam aspek *al-muraqabah wal muhasabah* yang terdapat dalam *Ihya' Ulumuddin*. Menerusi model kaunseling Islam al-Ghazali, aspek tersebut merangkumi semua sifat manusia, iaitu hati, akal, jiwa dan roh (al-Ghazali, 1991). Proses kaunseling ini dilihat memerlukan sesi yang panjang dan memakan masa. Selain itu, Roslee (2011) membentuk strategi intervensi bagi menangani penyelewengan tingkah laku seksual berdasarkan model al-Ghazali. Kajian Roslee (2011) dan Yatimah (2005) ini menggunakan model kaunseling Islam al-Ghazali dalam proses kaunseling.

Seterusnya, terdapat modul kelompok bimbingan yang mengintegrasikan konsep *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT) dan Tazkiyah an-Nafs oleh Mohd Zaheran *et al.* (2019). Pengkaji mengemukakan kemahiran dalam penyelesaian

masalah secara komprehensif daripada pelbagai aspek tingkah laku, emosi dan spiritual bagi membantu pembangunan diri murid tahfiz. Kajian Md Noor *et al.* (2016) pula mengemukakan pembinaan modul kaunseling spiritual berperspektif Islam yang mampu mengatasi murid bermasalah tingkah laku. Modul ini dibina berteraskan elemen agama, iaitu berdasarkan pemikiran Imam al-Ghazali. Model *Tazkiyah an-Nafs* al-Ghazali yang diaplikasikan dalam pembinaan modul tersebut menyentuh aspek mengenali diri, mengenal kekuatan dan kelemahan diri serta mengenal pasti tindakan untuk menghindari sifat negatif yang merosakkan. Kajian Mashira (2015) pula mengemukakan kesan bimbingan muhasabah *al-nafs* (e-Man) terhadap salah laku pergaduhan pelajar sahaja, sedangkan menurut Buss dan Perry (1992), tingkah laku agresif melibatkan empat jenis, iaitu permusuhan, fizikal, verbal dan kemarahan. Pergaduhan ialah satu daripada jenis tingkah laku keagresifan. Sebahagian daripada kajian tersebut didapati lebih menjurus kepada aktiviti bimbingan melalui beberapa sesi dan proses tertentu serta memerlukan tempoh yang panjang. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa intervensi yang sedia ada masih memerlukan penambahbaikan berdasarkan kelompangan yang dinyatakan di atas. Langkah ini harus dikemukakan menerusi pendekatan kaunseling.

Pendekatan kaunseling yang digunakan dalam konteks semasa di Malaysia dapat dirumuskan kepada dua keadaan, iaitu bergantung pada teori Barat semata-mata atau mempunyai adunan dengan pendekatan keimanan oleh al-Ghazali. Menurut Zuria (2005), penyelesaian masalah dalam sesi kaunseling ini bergantung pada strategi khusus yang berfokus untuk digunakan dalam sesi kaunseling. Kesemua modul yang telah dibincangkan dirangka khusus bagi pembangunan diri remaja. Walaupun terdapat modul kaunseling sedia ada yang dibangunkan dengan menggunakan pendekatan keimanan berteraskan *Ihya' Ulumuddin* karya al-Ghazali, pendekatan ini

tidak bertujuan menangani tingkah laku agresif secara berfokus. Selain itu, terdapat juga kebergantungan sesi kaunseling semasa pada teori dari Barat semata-mata. Kebanyakan teori dari Barat hanya berfokuskan akal semata-mata dan kurang menekankan elemen spiritual. Hal ini dibuktikan dalam kajian yang berkaitan. Penggunaan teori dari Barat semata-mata didapati tidak mencukupi. Teori ini memerlukan penyesuaian yang bersifat tempatan kerana konsep kebudayaan turut merangkumi aspek agama sebagai satu nilai bersama dalam konteks negara Malaysia. Menurut Hassan (1996), semua pendekatan kaunseling Barat kurang mengkaji aspek yang berkaitan dengan jiwa, sebaliknya lebih memfokuskan aspek tingkah laku (Abas, 2018). Hassan (1990) menyatakan bahawa pendekatan kaunseling Barat kurang sesuai dipraktikkan di Malaysia kerana sebahagian daripada konsepnya bercanggah dengan budaya tempatan dan nilai yang berkaitan dengan akidah, hukum, sosial dan pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam (Adiputra *et al.*, 2020). Berdasarkan cerakinan di atas, dapat disimpulkan bahawa modul kaunseling yang mempunyai penerapan Islam bergantung pada teori daripada al-Ghazali dan sebahagian yang lain hanya berasaskan teori dari Barat. Bagaimanapun, teori al-Ghazali tidak berfokus pada tingkah laku agresif dan kebergantungan pada teori Barat semata-mata adalah tidak sesuai dalam konteks Malaysia.

Oleh hal yang demikian, penelitian dalam kajian ini adalah untuk membangunkan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) berasaskan pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* oleh Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah. Kajian pembinaan modul yang dikemukakan ini berasaskan karya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* yang berfokus pada aspek pendidikan anak-anak. Pendekatan yang dipelopori oleh Abdullah Nasih Ulwan ini dipilih disebabkan karya *Tarbiyatul Aulad* beliau lebih memfokuskan pendidikan



anak yang merangkumi matlamat, unsur dan pelaksanaan. Hal ini dapat dilihat secara jelas menerusi kajian oleh beberapa sarjana yang dikaitkan secara langsung dengan pendidikan (Abdul Munir & Mohd Noor, 2014; Ali, 2016; Che Zarrina *et al.*, 2019; Dwi Haryanti & Romli, 2021). Walau bagaimanapun, pendekatan oleh al-Ghazali pula tidak hanya diteladani dalam kajian terdahulu yang terfokus pada pendidikan, sebaliknya melibatkan penerokaan yang luas, iaitu merangkumi aspek pembersihan jiwa yang majoritinya berada dalam korpus ilmu tasawuf.

Oleh itu, pembawaan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* seperti yang dicadangkan oleh Abdullah Nasih Ulwan adalah penting sebagai nilai tambah. Pada asasnya, pendidikan menerusi Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* telah dicadangkan secara berulang kali dalam usaha menangani isu remaja. Antaranya seperti yang dikemukakan oleh Che Zarrina *et al.* (2019). Sehubungan dengan itu, Mashira Yahaya dan Aimi Dalila (2018) turut mengemukakan bahawa kesedaran keimanan yang seiring dengan konsep *ribat al-imaniyyah* mampu mengubah tingkah laku negatif. Pendekatan ini juga merupakan satu pendekatan alternatif di samping pendekatan sedia ada bagi menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah. Namun begitu, Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* belum diterapkan dalam sesi kaunseling sebagai medium penyampaian serta penyelesaian isu tingkah laku agresif murid.

Oleh yang demikian, isu tingkah laku agresif, pendekatan kaunseling berdasarkan teori Barat, proses intervensi yang memerlukan penambahbaikan serta pemilihan teori daripada tokoh dan karya yang bersesuaian ialah asas kepada keperluan kajian ini. Berdasarkan empat rumusan yang dinyatakan di atas, maka satu modul kaunseling Islam yang diperkenalkan sebagai i-SFBT (modul kaunseling Islam berteraskan *ribat al-imaniyyah*) wajar dibangunkan untuk mencari titik perubahan dan keberkesanan yang lebih baik. Selain itu, i-SFBT juga wajar dibangunkan kerana

kesesuaian dari segi tempoh dan kemahiran pihak yang terlibat dalam proses kaunseling.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini ialah pengkajian tentang pembangunan modul yang mempunyai tiga objektif utama berdasarkan Pendekatan Pengkajian Reka Bentuk dan Pembangunan yang digunakan. Yang berikut ialah objektif kajian:

Fasa 1: Mengenal pasti keperluan pembinaan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) dalam kaunseling berasaskan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama.

Fasa 2: Membangunkan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) dalam kaunseling berasaskan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama dengan penilaian pakar.

Fasa 3: Penilaian kebolegunaan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) dalam kaunseling berasaskan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama.

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah bagi meneliti objektif kajian mengikut fasa yang telah ditetapkan:

Fasa 1:

- i. Apakah tahap tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah menengah agama?
- ii. Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) dalam kaunseling berasaskan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?

Fasa 2:

- i. Apakah nilai kesepakatan pakar bagi reka bentuk dan pembangunan objektif utama Modul i-SFBT bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?
- ii. Apakah nilai kesepakatan pakar reka bentuk dan pembangunan kandungan utama Modul i-SFBT bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?
- iii. Apakah nilai kesepakatan pakar reka bentuk dan pembangunan amalan kaunseling i-SFBT bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?
- iv. Apakah nilai kesepakatan pakar reka bentuk dan pembangunan bahan Modul i-SFBT bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?

Fasa 3:

- i. Apakah penilaian kebolegunaan bagi Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama?

## **1.6 Definisi Konsep dan Operasional**

Bahagian ini membincangkan beberapa definisi konsep dan definisi operasional berasaskan kajian pembinaan Modul *Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT) dalam kaunseling berasaskan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan bagi menangani tingkah laku agresif murid sekolah menengah agama. Huraian selanjutnya dijelaskan seperti yang berikut:

### **1.6.1 Modul**

Modul merupakan suatu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disistemkan secara berturutan dalam usaha membantu murid belajar dan menguasai pembelajaran dengan mudahnya (Sidek & Jamaludin, 2005). Modul ialah satu bentuk pakej pengajaran pembelajaran yang berkaitan dengan konsep mata pelajaran (Russell, 1974). Dalam konteks kajian ini, modul merupakan langkah-langkah sesi kaunseling yang diterapkan melalui kaedah SFBT dan *ribat al-imaniyyah* yang membantu guru kaunseling dalam penyelesaian isu tingkah laku agresif murid sekolah.

### ***Islamic Solution Focused Brief Therapy* (i-SFBT)**

Teori *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) atau dikenali sebagai Terapi Berfokus Solusi merupakan pendekatan yang berasaskan bukti. Teori ini berfokuskan matlamat dan masa hadapan klien untuk membantu klien membina solusi kepada

permasalahannya (Kee & Aslina, 2019; Sapora & Ruhaya, 2019). Peralihan fokus daripada pendekatan menyelesaikan isu kepada penyelesaian masalah merupakan keunikan teori tersebut (Franklin *et al.*, 2012; Hsu dan Wang, 2011; Siedlecki, 2015). Terdapat beberapa konsep utama dalam SFBT, iaitu berorientasikan positif, berfokuskan penyelesaian dan bukan isu serta mencari apa-apa yang berjaya (Baijesh, 2015; Gingerich & Peterson, 2013; Young & Holdorf, 2003) manakala *ribat al-imaniyyah* pula merupakan satu pendekatan Islam berdasarkan pandangan Abdullah Nasih Ulwan daripada buku *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*.

Dalam konteks kajian ini, kaunseling i-SFBT merujuk kepada satu pendekatan gabungan antara SFBT dengan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* Abdullah Nasih Ulwan. Sepanjang sesi kaunseling, klien akan diberi bantuan dengan mengamalkan pelbagai intervensi dan pendekatan bagi membina dan mencapai matlamat dengan menggunakan pelbagai teknik (*exception, miracle question, scaling*) yang akan dimanifestasikan dengan Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* dalam penyelesaian untuk menangani tingkah laku agresif mereka. Pada masa yang sama, klien akan dapat keluar dengan rancangan kawalan tingkah laku mereka sendiri daripada pelbagai intervensi yang dipelajari melalui sesi kaunseling.

### **1.6.2 *Ribat al-Imaniyyah***

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2015), kaedah asas pendidikan tertumpu pada dua perkara, iaitu kaedah pengukuhan (الربط قاعدة) dan kaedah peringatan (التحذير قاعدة).

Beliau membincangkan lima kaedah pengukuhan terhadap anak-anak, iaitu pengukuhan akidah, rohani, pemikiran, sosial dan jasmani. Menurut kamus المعاصرة العربية اللغة معجم, perkataan الإعتقادي membawa maksud kepercayaan atau kepercayaan

muktamad tentang sesuatu yang dipercayai oleh sekumpulan orang. Abdullah Nasih Ulwan menekankan pengukuhan akidah dalam kehidupan anak-anak perlu sentiasa dikaitkan dengan rukun iman, perkara-perkara ghaib dan setiap keyakinan yang ditetapkan melalui dalil-dalil yang sahih sejak anak mula berfikir (Abdullah Nasih Ulwan, 1998; 2013). Dalam kajian ini dapat dirumuskan bahawa Pendekatan *Ribat al-Imaniyyah* menekankan “Meningkatkan Asas Iman” , “Memahami Rukun Islam” , “Prinsip Asas Syariah” (membezakan yang baik dan yang buruk) dan *istiqamah*.

### **1.6.3 Tingkah laku Agresif**

Menurut Azizi Yahaya *et al.* (2007), agresif merujuk kepada suatu tindakan yang dilakukan untuk mencederakan seseorang dan haruslah dielakkan daripada berlaku. Tingkah laku agresif berkaitan dengan perbuatan antisosial dan jenayah serta masalah kesihatan mental yang ditunjukkan seseorang seperti kemurungan, kecelaruan personaliti dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Brannstrom *et al.*, 2016). Tingkah laku agresif dalam kajian ini ialah segala bentuk tingkah laku agresif dalam kalangan murid yang melanggar peraturan disiplin sekolah seperti yang disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Zaleha (2010), tingkah laku agresif fizikal merujuk kepada keganasan yang melibatkan anggota badan atau kekerasan dengan menggunakan anggota badan bagi mencederakan fizikal, emosi dan kognitif pelajar lain seperti membuli, menghina, mencederakan seseorang, pergaduhan, perkataan lucah, keganasan seks, menggores kereta dengan benda tajam, penggunaan senjata berbahaya atau senjata api, pembunuhan dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku agresif fizikal didefinisikan sebagai perlakuan yang membabitkan buli, bergaduh dan kecenderungan untuk mencederakan individu lain. Tingkah laku